



Garis Panduan Pelantikan Panel Penasihat Industri (*Industry Advisory Panel*) Untuk Program-Program Akademik di UNIMAS

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan memberi penerangan kepada Fakulti dan Pusat di UNIMAS tentang pelantikan dan terma rujukan Panel Penasihat Industri (*Industry Advisory Panel*) untuk program-program akademik di peringkat Pra-Siswazah dan Pasca Siswazah (Kerja Kursus).

2. Pengenalan

- Pelantikan Panel Penasihat Industri dari dalam negara adalah **satu keperluan dalam aktiviti pemantauan pelaksanaan kurikulum** program akademik yang sedia ada bagi **memastikan program yang ditawarkan adalah berkualiti, relevan dan menepati kehendak pasaran.**
- Ahli panel penasihat industri adalah terdiri dari badan profesional industri, kerajaan, organisasi, kawal selia, alumni dan sebagainya yang mempunyai pengalaman luas atau latarbelakang yang relevan dalam bidang pengkhususan program.
- **Semua pelantikan adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).** Senarai calon ahli panel penasihat industri program yang dicadangkan mesti dimajukan beserta CV yang lengkap dan justifikasi pencalonan.
- Surat pengesahan persetujuan penerimaan lantikan yang dilampirkan bersama surat lantikan mesti dihantar dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh surat lantikan.
- Tempoh lantikan panel penasihat industri adalah **selama setahun.**
- Mesyuarat panel penasihat industri adalah **dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** atau wakil yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- Mesyuarat panel penasihat industri mesti dilaksanakan **sekali** sepanjang tempoh pelantikan.
- Semua minit mesyuarat dan lain-lain dokumen perbincangan atau maklumbalas panel penasihat program akademik mesti dilampirkan bersama dokumen

permohonan semakan kurikulum program akademik baharu yang dihantar ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

3. Terma Rujukan

- Memberi maklum balas tentang keberkesanan kursus-kursus tertentu dalam struktur kurikulum berdasarkan keperluan industri yang berkaitan.
- Mencadangkan aspek penambahbaikan kursus-kursus tertentu dalam struktur kurikulum agar selari dengan keperluan industri dan standard antarabangsa.
- Menilai dan memastikan pencapaian objektif program dan hasil pembelajaran program adalah di tahap yang baik.
- Memberikan cadangan penambahbaikan berterusan kualiti program untuk memastikan graduan yang dilahirkan oleh program tersebut berkualiti dan menepati kehendak pasaran.
- Membantu fakulti dalam mengenal pasti bidang penyelidikan, dan potensi penyelidikan yang boleh dilaksanakan bersama industri.
- Mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama ahli akademik/pelajar untuk mempertingkatkan kefahaman tentang bidang pengkhususan program akademik yang berkaitan.

4. Hal-hal lain

- Sebarang implikasi kewangan berkaitan pelantikan dan penglibatan panel penasihat industri untuk program akademik adalah di bawah tanggungan fakulti/pusat.

5. Tarikh Berkuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil 01/2015 ke 138 iaitu pada 28 Januari 2015.